

## BAB 1 PENGENALAN

### 1.1 PENDAHULUAN

‘Ilmu merupakan suatu elemen terpenting bagi menentukan kemajuan dan kedudukan sesuatu bangsa, dan seterusnya membangunkan peradabannya sendiri. Manusia yang tidak mempunyai ‘ilmu dianggap sebagai manusia jāhil dan lemah untuk berhadapan dengan cabaran masa hadapan. Dengan penyuntikan ‘ilmu peradaban Islām ke ‘Ālam Melayu, ianya telah mengubah corak kehidupan masyarakat Melayu Islām dalam perbagai aspek seperti sosial, ekonomi, kesenian, pendidikan, bahasa, kesusastraan, politik dan perundangan. Segelintir masyarakat Melayu Islām mendalami dan mempraktikkan ‘ilmu peradaban Islām kerana memahami dan mengerti konsepnya, dan ini bertepatan dengan firman Allāh s.w.t. yang bermaksud:

*Bahkan (Al-Qur’ān) itu adalah bukti-bukti yang jelas di dalam dada mereka yang diberi pengetahuan (Terj., Sūrah al-Ankabūt: 49).*

Terdapat sebuah ḥadīth menjelaskan:

*Seseorang insān yang mempunyai ‘ilmu agama itu lebih kuat menentang syātiṭān daripada seribu insān yang beribadat (tanpa ‘ilmu yang cukup) (Terj., Ḥadīth Riwayat Tirmīdhī dan ibnu Mājah)<sup>1</sup>.*

---

<sup>1</sup> Lihat Abdul Hamid Siddiqi (terj.), 1980:135.

Sesungguhnya, persoalan ‘ilmu di kalangan masyarakat Melayu Islām perlu diberi perhatian dan juga penelitian yang sewajarnya oleh pihak yang bertanggungjawab bagi menyumbangkan faedah kepada masyarakat. Jika mereka ketandusan ‘ilmu ini, masyarakat Melayu Islām tidak mampu mengatasi permasalahan yang muncul dalam kehidupan mereka dengan cara yang sebenarnya. Justeru itu, kefahaman pengertian tersebut akan dapat membawa penghayatan nilai yang murni secara praktikal ke dalam diri masyarakat Melayu Islām. Melalui strategi ‘ilmiah yang berkesan, konsep tersebut dapat dilaksanakan secara berterusan, dikekalkan dan dihayati oleh masyarakat Melayu Islām.

## 1.2 PENGERTIAN TAJUK DAN PERMASALAHANNYA

Tajuk disertasi ini ialah “Konsep ‘ilmu dalam peradaban Islām di ‘Ālam Melayu”. Ianya mempunyai tiga konsep utama iaitu :

Pertama : Konsep ‘Ilmu

Kedua : Peradaban Islām

Ketiga : ‘Ālam Melayu

Oleh itu, ketiga-tiga konsep tersebut akan diberi penekanan di dalam disertasi ini. Untuk memahaminya dengan secara jelas, di sini diuraikan istilah-istilah penting dalam tajuk ini.

### **1.2.1 Konsep ‘Ilmu**

“Konsep” menurut *Kamus Dewan* (Dr. Teuku Iskandar [pysn.], 1993: 651), didefinisikan sebagai pendapat yang terbentuk dalam fikiran mengenai sesuatu tanggapan atau idea. Di dalam *Ensiklopedi Islām* (Dr. H.A Ḥafizh Dasuki [pnyt.], 1994, jil. 2: 201), “‘Ilmu” berasal daripada perkataan bahasa ‘Arab, iaitu ‘ilm yang bererti pengetahuan dan lawan bagi perkataan *jahl* yang bererti kebodohan. Pengetahuan yang dimaksudkan itu meliputi perkara *duniā*, *akhirat*, *zāhir* dan *bātin* (Dr. Teuku Iskandar [pysn.], 1993, op cit: 446). Dengan ini, istilah “Konsep ‘Ilmu” dapatlah dirumuskan sebagai pengertian mengenai ‘ilmu pengetahuan secara menyeluruh yang mencakupi pelbagai bidang ‘ilmu. Ia tidak hanya terbatas kepada ‘ilmu agama seperti Fiqah, Ḥadīth, Tafsīr, Tāwhīd, Taṣawwuf dan seumpamanya tetapi meliputi semua aspek ‘ilmu *duniā* yang dipelajari seperti ‘ilmu Fizik, Matematik, Geografi, Sejarah, Kimia, Sastera dan sebagainya. Kesemua ‘ilmu itu datangnya dari al-Qur’ān. Firman Allāh s.w.t. yang bermaksud:

*Mengajarkan kepada manusia apa yang belum diketahuinya* (Terj., Surāh al-‘Alaq: 5).

### **1.2.2 Peradaban Islām**

“Peradaban” (dari perkataan “*adab*”) bermaksud (lihat Dr. Teuku Iskandar, 1993, op cit: 6, Hj. Zainal Abidin Safarwan, 1995: 12, dan Prof. Dr. Hashim Hj. Musa, 2001: 24) keadaan kebudayaan dan tahap kemajuan serta ketinggian tingkat kecerdasan pada kehidupan *jasmāni* dan *rohāni*; dan juga material bagi sesuatu bangsa atau masyarakat.

Manakala ibnu Khaldūn (Franz Rosenthal [terj.] & N.J. Dawood [ed.], 1967: lihat 42-45) menggunakan perkataan ‘*umrān* yang membawa erti kawasan tanah yang didiami, tinggal menetap, berkembang subur dan maju. Beliau (*ibid*: lihat 45) juga menggunakan perkataan *Madīnah* yang bererti bandar dan *madanī* berasal dari perkataan *al-madaniyyah* yang bererti peradaban dan kemakmuran hidup. Merujuk dalam *Ensiklopedi Islām* (1994, op.cit, jil. 2: 246), kata “*Islām*” berasal dari kata *aslama*, *yuslimu* dan *islām* yang memberi beberapa pengertian iaitu :

- (1) melepaskan diri dari segala penyakit *zāhir* dan *bātin*,
- (2) kedamaian dan keamanan, dan
- (3) ketataan dan kepatuhan.

*Islām* ialah agama yang diturunkan oleh Allāh s.w.t. kepada pesuruhNya iaitu Nabī Muḥammad s.a.w. Gabungan kata “*Peradaban Islām*” dapatlah ditakrifkan sebagai suatu situasi kehidupan masyarakat *Islām* yang telah mencapai ketinggian tahap kecerdasan pemikiran dan kehalusan budi pekerti dengan mempunyai penghasilan nilai-nilai seni kebudayaan mereka. Bagi mencapai peradaban tersebut, masyarakat *Islām* mestilah menggunakan spiritual dan material tanpa menyimpang dari landasan *Islām* yang sebenarnya.

### 1.2.3 ‘Ālam Melayu

Istilah “*Ālam Melayu*” dapat dilihat dari tiga konsep iaitu budaya yang merangkumi bahasa; agama dan budaya; bangsa atau ras; dan geografi. Istilah-istilah tersebut dapat diuraikan seperti berikut:

- (1) Dunia berbahasa Melayu merangkumi pelbagai suku rumpun bangsa dan agama dari pelbagai negara, yang menggunakan bahasa Melayu sebagai alat komunikasi utama (Tan Sri Prof. Ismail Hussein dalam Tan Sri Prof. Ismail Hussein, et al, 1997: 37).
- (2) Bangsa Melayu-Polinesia ialah ras yang mempunyai kulit coklat yang kebanyakannya adalah beragama Islām (Prof. Dato' Wan Hashim Wan Teh dalam ibid: 127).
- (3) Dunia Melayu-Polinesia ialah suku bangsa peribumi yang menggunakan bahasa utama yang sama yang datang dari Lautan Hindi mendiami di Pulau Malagasy (Madagaskar), juga datang dari Lautan Pasifik mendiami kepulauan Polinesia, Taiwan, Mikronesia dan Hawaii (Tan Sri Prof. Ismail Hussein dalam ibid: 65-68).

Setelah difahami pengertian tajuk dengan penguraian istilah-istilah penting tersebut, adalah diharapkan dengan pengkajian tajuk ini akan menjadi satu inisiatif baru bagi merangsang dan membina semula konsep ‘ilmu berteraskan Islām yang telah sekian lama wujud di ‘Ālam Melayu agar menjadi lebih sempurna dan lebih unggul.

Permasalahan yang ingin ditonjolkan di dalam tajuk disertasi ini ialah, sejauh manakah masyarakat Melayu memahami konsep ‘ilmu dalam Islām. Oleh itu, penulis menjalankan kajian berdasarkan pemerhatian, pembacaan, soal selidik dan temu bual bagi mengetahui sejauh manakah masyarakat Melayu benar-benar memahami konsep ‘ilmu tersebut.

Penulis juga ingin mengetahui adakah masyarakat Melayu mengetahui akan perkembangan ‘ilmu peradaban Islām di kawasan mereka. Adakah mereka benar-benar berasa bangga dengan kelahiran ‘ilmu berteraskan Islām itu, dan apakah usaha-usaha yang telah dijalankan oleh masyarakat Melayu bagi menonjolkan kelahiran ‘ilmu Islām di ‘Ālam Melayu.

Seterusnya, penulis ingin mengetahui, sejauh manakah penghayatan ‘ilmu Islām di kalangan masyarakat Melayu sekarang. Adakah mereka benar-benar memahami atau masih jauh menyimpang dari menghayati tuntutan-tuntutan ‘ilmu dalam Islām. Bagai manakah caranya untuk mengatasi permasalahan dalam aspek agama, sosial, budaya, ekonomi, pendidikan, politik dan pemerintahan. Justeru itu, penulis ingin meninjau sejauh manakah keberkesanan pengaruh ‘ilmu Islām sehingga menyebabkan masyarakat Melayu benar-benar menghayatinya sehingga kini.

### **1.3 LATAR BELAKANG PERMASALAHAN**

Islām merupakan agama yang diturunkan oleh Allāh s.w.t. kepada Nabi Muḥammad s.a.w. Ianya membawa ajaran-ajaran yang terdapat di dalam al-Qur’ān dan juga Sunnah dalam bentuk perintah-perintah, larangan-larangan dan petunjuk-petunjuk semata-mata untuk kebaikan seluruh umat sejagat, sama ada di dunia mahupun di akhirat. Penulis percaya dalam proses merealisasi pembentukan insān, Islām menyeru umatnya agar menjadi insān yang berilmu dan berpengetahuan.

Dewasa ini, wujudnya pelbagai gejala negatif yang telah menimbulkan beberapa masalah besar, dan seterusnya ia mengakibatkan hilangnya aspek-aspek tertentu dalam peradaban Melayu Islām. Gejala yang muncul ini boleh dikaji melalui pelbagai situasi persekitaran kehidupan masyarakat Melayu Islām. Dengan ini, penulis menjelaskan wujudnya permasalahan-permasalahan yang menyebabkan nilai-nilai murni semakin hilang dalam kehidupan masyarakat Melayu Islām kini. Antaranya ialah:

### 1.3.1 Permasalahan dalam Aspek Agama

Prof. Dr. Mohd. Kamal Hassan (1996: Lihat 246-251) telah menyenaraikan beberapa perkara yang sering diabaikan oleh masyarakat Melayu dalam ajaran Islām. Antaranya ialah hidup berorientasikan akhirat yang keterlaluan, mengamalkan kepercayaan tahayul dan mengamalkan ajaran sesat. Perkara tersebut wujud kerana masih terdapat masyarakat Melayu Islām tidak faham atau jāhil tentang ajaran Islām yang mencakupi semua bidang kehidupan seperti aspek '*aqīdah*<sup>2</sup>, '*ibādat*<sup>3</sup>, '*mu'amalāt*<sup>4</sup>, '*munākahāt*<sup>5</sup>, '*akhlāq*<sup>6</sup> dan pendidikan (Prof. Dr. Hashim Hj. Musa, 2001, op cit: 101).

---

<sup>2</sup> '*Aqīdah* berasal dari perkataan 'arab '*aqāid* yang bererti ikatan. Menurut iṣṭilāh ialah menghubungkan antara jiwa makhlūq yang diciptakan dengan PenciptaNya. Dalam erti lain, '*aqīdah* merupakan asas agama Islām yang menterjemahkan dalam bentuk peraturan-peraturan sebagai cabang dari agama (Rachmat Taufiq Hidayat, 1989 : 24).

<sup>3</sup> '*Ibādat* menurut Prof. Dr. Syed Mohd. Naquib al-Atṭas (1977: 21) ialah segala perbuatan, 'amalan, atau perkhidmatan yang disedari dan dilakukan dengan sukarela yang ditujukan semata-mata kerana dan kepada Allāh s.w.t. dan tiada kerana dan kepada orang lain, dan yang diperkenankan olehNya, termasuk segala 'amalan seperti sembahyang yang difarḍukan dan lain-lain lagi.

<sup>4</sup> '*Mu'amalāt* ialah kewajipan-kewajipan sosial yang dihubungkan dengan undang-undang Islām seperti '*aqad nikāh*, harta pusaka (Ian Richard Netton, 1992: 109) dan hubungan sesama manusia seperti jual beli, memberi zakāh, adab berjiran, tolong menolong dan sebagainya.

<sup>5</sup> '*Munākahāt* ialah perkara yang berhubung dengan sistem kekeluargaan seperti '*aqad nikāh*, cerai, nafqah sepencarian dan sebagainya.

<sup>6</sup> '*Akhlāq* ialah bentuk *jama'* dari kata *khulu'* yang bererti perbuatan, tingkah laku atau budi pekerti. Akhlāq terbahagi kepada dua iaitu akhlāq yang *khāliq* (yang menciptakan); dan akhlāq terhadap makhluk keselamatan dan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat (Rachmat Taufiq Hidayat, 1989, op cit.: 18).

Sehingga sekarang, segelintir masyarakat Melayu masih mempercayai jampi serapah, bomoh, pawang; dan dukun. Di samping, mereka juga mempercayai Allāh s.w.t., Nabī Muhammad s.a.w. dan para Malāikat (Mohd. Nur Ali, dalam Sharifah Latifah Ahmad, 1977: 102). Wujudnya fahaman sekularisme yang memisahkan antara duniā dan akhirat seperti ini akan memberi kesan kepada keruntuhan sistem perundangan Islām yang sepatutnya menjadi dalīl dan panduan hidup masyarakat Melayu Islām.

### **1.3.2 Permasalahan dalam Aspek Sosial**

Wujudnya gejala-gejala sosial adalah penyebab kepada kegagalan masyarakat Melayu menghayati Islām. Contohnya, bertambah bilangan penagih dadah, keruntuhan institusi kekeluargaan dan akhlāq muda-mudi, bertambah kes perceraian dan lain-lain. Menurut Noordin Abd. Razak (dalam Mohamad Basri Sulaiman & Noor Azah Hashim, 1996: 44-45), gejala-gejala ini timbul disebabkan pengaruh kebendaan yang tidak terkawal, kecenderungan memisahkan kehidupan dengan agama, kegilaan kepada budaya hidup yang bebas daripada ikatan budaya tradisi, sikap mementingkan diri tanpa memikirkan kepentingan orang lain, pengaruh media massa yang keterlaluan dan ledakan arus pembaratan. Himpitan hidup yang berdasarkan persaingan kebendaan menyebabkan tercetusnya gejala yang membawa kepada krisis rumah tangga, kelunturan nilai kasih-sayang dan hormat-menghormati, pengabaian kasih sayang antara generasi muda dengan generasi tua, anak dengan ibu bapa, suami dengan isteri, dan lain-lain.

### **1.3.3 Permasalahan dalam Aspek Budaya**

Secara ‘umum, kehidupan moden sering memberi kesan kepada kelunturan nilai kasih-sayang dan hormat-menghormati di kalangan anggota keluarga dan masyarakat. Ia juga mengakibatkan kepincangan keluarga dan seterusnya ia membuka jalan kepada pengabaian kasih-sayang antara generasi muda dan generasi tua, anak dengan ibu bapa, suami dengan isteri, dan lain-lain (Dato’ Dr. Ismail Ibrahim dalam Ismail Hj. Ibrahim & Mohd. Sahri Abdul Rahman [pnyt.], 1994: 54). Justeru itu, ia juga telah mewujudkan sikap tidak menghormati sesama sendiri dan tidak pandai berterima kasih. Contohnya, fenomena menempatkan ibu bapa di rumah orang tua sudah menjadi aliran gaya hidup yang terkini. Anak-anak kini merasakan ibu bapa mereka sebagai bebanan hidup. Mereka kesuntukan masa untuk melayan keranah orang tua mereka. Implikasinya, mereka dengan senang melupakan jasa ibu bapa yang telah membesarakan mereka suatu ketika dahulu (Ghazali Darusalam, 2001: 307). Manusia dewasa ini bersifat materialistik yang mengagung-agungkan nilai kebendaan yang boleh melumpuhkan kehidupan masyarakat sejagat (Padilah Hj. Ali dalam Dewan Budaya, Ogos 2000: 50). Itulah yang sebenarnya telah muncul dalam masyarakat Melayu Islām yang menyebabkan mereka terikut-ikut dengan cara hidup hedonisme, modenisme, sekularisme dan liberalisme Barat melalui pengaruh yang dibawa oleh iklan di media massa.

#### **1.3.4 Permasalahan dalam Aspek Ekonomi**

Dari sudut ekonomi pula, kemiskinan tanpa kesedaran agama akan menyebabkan krisis moral yang hebat sekali pada masa sekarang. Kemiskinan dan kemunduran hidup ada kalanya lebih menggalakkan kejadian jenayah dan keganasan, kegiatan maksiat seperti pelacuran, homoseksual dan sebagainya. Kebiasaannya, ibu bapa tidak mempunyai masa untuk memberi didikan dan kasih sayang kepada anak-anak. Kemiskinan tanpa pegangan agama akan memudahkan gejala buruk terjadi kerana tiada pegangan hidup dan keyakinan di kalangan ibu bapa (Dr. Amran Kasimin, 1993: 141).

#### **1.3.5 Permasalahan dalam Aspek Pendidikan**

Dalam aspek pendidikan pada hari ini, kebanyakan pelajar sekolah dan institusi lebih menitikberatkan peperiksaan secara menghafal untuk lulus dan memperoleh sijil, seterusnya bagi mendapatkan pekerjaan semata-mata. Bagaimanapun, ‘ilmu yang mereka capai itu sebenarnya bukanlah warisan keunggulan ‘ilmu dalam ajaran Islām. Sebahagian besar masyarakat Melayu pada hari ini tidak menguasai ‘ilmu secara menyeluruh seperti yang dianjurkan oleh Islām. Ibu bapa yang mengabaikan pendidikan anak-anaknya akan menjadikan anak-anaknya tidak menghayati prinsip-prinsip dalam Islām secara menyeluruh. ‘Ilmu yang mereka capai tidak mencukupi dan akhirnya timbulah unsur-unsur lain dalam fikiran mereka seperti mediokriti, perlakuan yang biadab seperti vandalisme, pembaziran masa dengan berfoya-foya, ponteng sekolah atau kuliah, merokok, mementingkan hiburan dan banyak lagi. Keadaan ini akan mewujudkan masalah yang lebih besar lagi dalam kehidupan masyarakat Melayu Islām seperti lari dari rumah, pesta seks, merogol, merompak, membunuh dan lain-lain lagi.

### **1.3.6 Permasalahan dalam Aspek Politik dan Pemerintahan**

Antara gejala yang wujud dalam sistem politik dan pemerintahan Melayu Islām pada hari ini ialah sindrom politik wang, sindrom kelemahan unsur moral dan amalan hambatan atau penaung-pelanggan (*patron-client*) (Prof. Dr. Mohd. Kamal Hassan, 1996, op cit: lihat 235-237). Wujudnya gejala ini di kalangan golongan elit kerana mereka jāhil, tidak bertanggungjawab, kehilangan semangat pengorbanan diri, ketiadaan pemimpin berakhlāq mulia yang boleh dijadikan contoh dan pembelengguan hati budi kepada ketua atau pemimpin dengan memberi ketaatan yang tidak sebenarnya (Prof. Dr. Hashim Hj. Musa, 2001, op cit: lihat 102-103).

Semua masalah yang telah dihuraikan di atas yang merangkumi aspek agama, sosial, budaya, ekonomi, pendidikan, politik dan pemerintahan adalah implikasi gejala-gejala negatif kini. Semua pihak perlu tampil ke hadapan bagi mencari jalan penyelesaiannya. Sekiranya tiada penyelesaian kepada permasalahan yang muncul seperti itu, perkembangan dan kemajuan ‘ilmu akan terbantut dan seterusnya masyarakat Melayu Islām akan menjadi lemah dan tidak mahir dalam menjalankan kewajipan sehari-harian mereka. Penulis turut menyenaraikan harapan, cadangan dan cara penyelesaian yang akan dihuraikan di bahagian penutup disertasi ini.

#### **1.4 KAJIAN-KAJIAN LALU**

Kebanyakan ahli akademik dan sarjana telah cuba mengkaji, memahami atau menghayati konsep ‘ilmu dalam peradaban Islām dengan memberi penumpuan kepada pelbagai aspek kehidupan mengikut pendekatan mereka yang tersendiri. Jika diteliti dan difahami, terdapat pelbagai pendekatan yang telah digunakan oleh mereka. Contohnya, mereka mendatangkannya dalam bab-bab tertentu sahaja, mencampuradukkan pendekatan mereka dalam berbagai-bagi bab dan ada yang didatangkan dalam subtajuk tertentu sahaja.

Dalam pengamatan penulis, terdapat beberapa pandangan yang telah membincangkan tajuk ini iaitu:

- (1) Auni Abdullah, 1991, *Islām dalam Sejarah Politik dan Pemerintahan di ‘Ālam Melayu*, Kuala Lumpur: Nurin Enterprise. Dalam bab pertama, pengarang buku ini telah menjelaskan pengaruh pemikiran politik dan pemerintahan Islām. Penerapan arus pemikiran Islām telah menegakkan satu hukum baru dalam cara hidup masyarakat di ‘Ālam Melayu iaitu di antara raja dan rakyat. Di samping itu, berlaku perubahan-perubahan dari segi prinsip seperti perubahan dalam mengamalkan konsep keadilan dan syūra. Seterusnya, penulis menggambarkan perubahan sistem pemerintahan Islām seperti kemasukan para ‘ulamā’ bagi memantapkan lagi jentera pentadbiran Melayu Islām. Penulis juga menyentuh kesinambungan tradisi pemerintahan Islām yang bermula di Pasai, seterusnya di Melaka, Aceh dan lain-lain pusat tamadun Melayu.

Dalam bab dua, penulis menjelaskan peranan istana dalam menegakkan pemerintahan Islām. Penglibatan golongan istana seperti raja dan pembesar amat penting bagi menjayakan pemerintahan Melayu Islām. Keunggulan peribadi raja turut memainkan peranan dengan menjemput para ‘ulamā’ ke istana sebagai penaşihatnya dari segi hukum Islām. Kesanggupan golongan istana menghadapi cabaran dalam melaksanakan hukum Islām telah menghasilkan sebuah kejayaan iaitu dengan tertubuh pemerintahan Melayu Islām. Dengan kegigihan yang ditonjolkan, golongan istana telah melaksanakan pemerintahan Melayu berlandaskan lunas-lunas Islām.

Dalam bab tiga, penulis menghuraikan sumbangan para ‘ulamā’ di bidang politik dan pemerintahan, iaitu wujudnya keserasian pemikiran antara ‘ulamā’ dan pemerintah dalam menerangkan dan menerima hukum-hukum Allāh s.w.t. Para ‘ulamā’ menduduki tempat yang tinggi di sisi pemerintahan kerana mereka umpama jentera yang bijak dalam menawan hati rakyat jelata. Oleh itu, para ‘ulamā’ telah memberi sumbangan dalam kegiatan politik bersama para pembesar istana.

Dalam bab empat, penulis menjelaskan usaha jihād sebagai kekuatan bagi menegakkan kuasa politik Melayu Islām. Kesinambungannya yang bermula dari Pasai, kemudian Melaka dan seterusnya negeri-negeri lain dijadikan sebagai benteng untuk melawan ancaman kuasa Barat seperti Belanda, Sepanyol dan British di ‘Ālam Melayu. Dengan kegigihan perjuangan ini, iaanya menjamin kesinambungan kuasa politik dan pemerintahan Melayu Islām.

- (2) Prof. Dr. Azyumardi Azra, 1995, *Jaringan ‘Ulamā’ Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII: Melacak Akar-akar Pembaruan Pemikiran Islām di Indonesia*, Bandung: Penerbit Mīzān. Pada keseluruhan bab dalam buku ini merangkumi persoalan ‘ilmu yang dijaringkan oleh para ‘ulamā’ dari Timur Tengah.

Dalam bab pertama, pengarang menyentuh perihal kedatangan Islām yang secara tidak langsung bermulanya sejarah ‘ilmu dari Timur Tengah ke Nusantara. Dalam bab dua, pengarang menerangkan Ḥaramāyn (Makkah dan Madīnah) adalah tempat bagi mendapatkan segala ‘ilmu pengetahuan dan tempat yang dipandang paling tinggi dari tempat lain dari segi menuntut ‘ilmu. Dengan kedatangan para pelajar dan masyarakat Islām dari merata tempat, ia telah mendorong para ‘ulamā’ di ḥadramāyin memainkan peranan penting dalam pengembangan ‘ilmu pada abad ke-17 di Timur Tengah.

Dalam bab tiga, penulis menghuraikan pembaharuan jaringan para ‘ulamā’ dan penyebarannya ke dunia Islām. Mereka memberi sumbangan dalam berbagai-bagi bidang keilmuan di Asia dan Afrika. Dalam bab seterusnya, penulis menghuraikan para ‘ulamā’ Melayu-Indonesia sebagai perintis gerakan pembaharuan Islām di Nusantara pada abad ke-17 seperti Nūr al-Dīn al-Rānīrī, Abd al-Ra’ūf al-Sinkili dan Muḥammad Yūsuf al-Maqassari. Dalam bab terakhir pula, penulis menghuraikan jaringan para ‘ulamā’ dan pembaharuan Islām di wilayah Melayu-Indonesia pada abad ke-18 yang dilakukan oleh para ‘ulamā’ dari Palembang, Kalimantan dan Paṭānī.

- (3) Prof. Dr. Hashim Hj. Musa, 2001, *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islām: Ke Arah Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Ketiga*, UM: Akademi Pengajian Melayu. Dalam bab tiga, pengarang buku ini telah menghuraikan tradisi ‘ilmu dalam tamadun Islām yang pada mulanya bermula di Madīnah telah tersebar ke serata dunia. Beliau menegaskan, orang Islām adalah pencetus ‘ilmu kepada tamadun moden Barat seperti Jābir ibnu Hayyam, Abū Yūsūf ibnu Ishāq al-Kīndī, Muḥammad ibnu Mūsā al-Khwārizmī dan lain-lain lagi.

Dalam bab tujuh, penulis memberi gambaran asas bahawa tamadun Melayu adalah dibina atas prinsip dan dasar pandangan ‘ālam semesta masyarakat Melayu Islām. Beliau menjelaskan kemunculan pusat-pusat tamadun Melayu Islām sebagai pusat keilmuan dan penyebaran Islām di Kepulauan Melayu. Ianya bermula dengan Perlak dan Samudera-Pasai dari abad ke-9 hingga ke-14, Melaka dari abad ke-15 dan awal abad ke-16, Aceh dalam abad ke-16 dan abad ke-17, Patānī dalam abad ke-18 dan ke-19, Terengganu, Kelantan, Banjarmasin dan Riau pada abad ke-18 dan ke-19. Dengan kemunculan pusat-pusat keilmuan dan penyebaran Islām di Kepulauan Melayu telah menyebabkan perkembangan institusi-institusi keilmuan dan lahirnya ramai ‘ulamā’ di serata pelusuk Kepulauan Melayu.

Dalam bab sembilan, beliau menyenaraikan para pendakwah dan penegak utama Islām di ‘Ālam Melayu yang telah berjasa melahirkan masyarakat yang dibahagikan kepada lima gelombang pergerakan. Gelombang pertama bermula pada kurun pertama Hijrīyyah hingga ke-6 H. Gelombang kedua pula bermula pada kurun ke-6 H hingga ke-10 H. Manakala gelombang ketiga bermula pada

kurun 10 H hingga ke-12 H. Gelombang keempat bermula pada kurun ke-12 H hingga ke-14 H. Gelombang kelima pula bermula pada kurun 14 H atau 15 H hingga sekarang.

- (4) Mohd. Taib Osman (ed.), 1997, *Islamic Civilization in the Malay World*, Kuala Lumpur, DBP & Istanbul: The Research Centre For Islamic History, Art and Culture. Buku ini membahagikan kepada tajuk-tajuk tertentu yang ditulis oleh beberapa penulis. Antaranya ialah Ḥussin Muṭalib yang menjelaskan situasi pemerintahan Melayu Islām di Asia Tenggara sehingga kurun ke-15. Beliau menyatakan dari abad ke-15 hingga ke-18, sistem pentadbiran di Nusantara adalah berlandaskan undang-undang Islām. Manakala dari abad ke-18 hingga ke-20, menghuraikan implikasi pertapakan penjajah yang ternyata gagal menghalang perkembangan pentadbiran Islām di Nusantara. Namun begitu, kesan penjajahan wujud dalam ṣifaṭ pembentukan kehidupan orang Melayu tradisional Islām iaitu melalui hubungan luar dengan negara-negara Islām di Nusantara, penyusunan organisasi sistem politik dan undang-undang Melayu Islām.

Zainal Kling pula menjelaskan apakah amalan-amalan orang Melayu dalam Islām seperti hubungan persaudaraan dan kepimpinan, undang-undang perkahwinan dan sistem kekeluargaan, amalan-amalan suci, dan perayaan-perayaan. Seterusnya Shaharil Ṭalib dan Mohammad Raduan Mohd. Arif menjelaskan bagaimana pemerintahan Melayu Nusantara mempraktikkan konsep

ekonomi Islām. Azyumardi Azra menjelaskan pembentukan sosial dari aspek pendidikan Islām, undang-undang Islām dan *mistik*<sup>7</sup> di Nusantara.

Di samping itu, Ismail Hamid menjelaskan kitāb jawi dianggap sebagai keintelektualan tradisi penulisan yang digunakan di pusat-pusat keilmuan di Nusantara. Ia juga berperanan menyampaikan pelbagai bentuk mesej Islām melalui tulisannya. Manakala Kamaruddin Mohd. Ali pula menerangkan kepentingan seni bina Islām di Nusantara. Raja Fuziah Raja Tun Uda dan Abdul Rahmān al-Aḥmadi menyatakan kesenian dan kraf tangan Melayu adalah sebagai simbol Islām mengikut kreativiti seseorang. Seterusnya Naṣir Tamara menghuraikan bagaimakah untuk membina masyarakat Islām yang mampu menghadapi cabaran-cabaran negatif dengan memberi penumpuan kepada negara Indonesia.

- (5) Abdul Rahmān Hj. Abdullah, 1984, *Pemikiran Islām Tradisional di Nusantara*, UKM: Tesis Sarjana Sastera, Jabatan Sejarah, yang telah dibukukan pada tahun 1990 dengan tajuk *Pemikiran Umat Islām di Nusantara: Sejarah dan Perkembangannya hingga Abad ke-19*, Kuala Lumpur: DBP, telah membincangkan kedatangan Islām ke Nusantara dengan mengemukakan peringkat kejayaan penyebaran Islām oleh golongan ṣufī dan ‘ulamā’ di pusat-pusat peradaban Islām di Nusantara seperti di Perlak, Samudera-Pasai, Patāñī, Melaka, Aceh, Jawa dan Johor-Riau. Beliau juga menyenaraikan pengaruh Islām

---

<sup>7</sup> *Mistik* ialah perkara ghāib yang tidak dapat diselami oleh pemikiran manusia, hanya Allāh s.w.t. sahaja yang mengetahui dan memahaminya seperti qiamat, ‘ālam qubūr, syurga dan neraka.

di Nusantara dari aspek politik, kesenian, pendidikan, bahasa dan kesusasteraan.

Pengaruh tersebut telah menonjolkan bukti-bukti keilmuan di Nusantara.

Tesis dan tulisan beliau lebih menjurus kepada pengkajian pemikiran Islām tradisional di Nusantara yang memberi penekanan dari aspek ‘aqīdah (seperti fahaman Syī‘ah, Jabariyyah, Qadariyyah dan Muktazilah), syarī‘at (seperti pemikiran hukum-hakam dan pegangan masyarakat) dan *taṣawwuf*<sup>8</sup> (seperti falsafah dan tarekat), yang secara tidak langsung dapat dihubungkaitkan dengan pengaruh dan kesan keilmuan Islām di Nusantara.

- (6) Prof. Dr. Ismail Hamid, 1986, *Perkembangan Islām di Asia dan 'Ālam Melayu*, Kuala Lumpur: Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd. Kesemua isi berkaitan ‘ilmu didatangkan dalam bentuk subtajuk. Dalam bab empat, penulis menjelaskan perkembangan Islām di Sumatera, Tanah Melayu, Jawa dan sekitarannya. Beliau mengemukakan kesenian pada batu nisan sebagai bukti kemasukan ‘ilmu di tempat tersebut.

Dalam bab lima, penulis menjelaskan Paṭāñī sebagai pusat penyebaran ‘ilmu dan Brunei juga aktif dengan kegiatan keilmuannya. Manakala dalam bab enam, penulis membuktikan Samudera-Pasai telah menonjolkan penghayatan ‘ilmu Islām dengan menggunakan gelaran *al-Mālik* kepada pemerintahnya. Sistem pemerintahan Samudera-Pasai adalah berlandaskan prinsip yang disarankan oleh

---

<sup>8</sup> *Taṣawwuf* merupakan ajaran-ajaran mistik Islām yang kebiasaannya diamalkan oleh golongan Sufi seperti mengamalkan dhikir berbentuk doā'-doā' dengan menyebut nama Allāh s.w.t.

Islām. Justeru itu, ini telah menjadikan Pasai terkenal sebagai sebuah pusat perkembangan ‘ilmu di ‘Ālam Melayu.

Dalam bab tujuh, penulis menjelaskan apakah Undang-undang Melaka dan Undang-undang Laut. Beliau juga menjelaskan Melaka terkenal sebagai pusat penyiaran Islām dengan wujudnya institusi-institusi pendidikan, peranan para ‘ulamā’ di istana dan minat pemerintah kepada pendidikan agama Islām.

Dalam bab lapan, penulis menghuraikan pelaksanaan ‘Ādat Aceh atau ‘Ādat Mahkota ‘Ālam dalam konteks Islām di Aceh yang menggambarkan Aceh sebagai pusat penyiaran Islām terpenting selepas kejatuhan Melaka. Beliau juga menjelaskan kelahiran tokoh-tokoh keilmuan pada zaman Aceh seperti Ḥamzah Fānsūrī, Syams al-Dīn al-Sumatrā’ī, Syeikh Nūr al-Dīn al-Rānīrī dan lain-lain dengan menyenaraikan karya-karya yang terkenal dari zamannya.

Dalam bab sembilan dan sepuluh, beliau menjelaskan Jawa dan Riau sebagai pusat pengetahuan Islām di ‘Ālam Melayu. Dalam bab sebelas, beliau menghuraikan penglibatan masyarakat Melayu Islām dalam sistem politik, perkembangan intelektual, bahasa, perkembangan persuratan, pengaruh kesenian dan pendidikan.

- (7) Abdul Rahmān Abdullah, 2000, *Sejarah dan Tamadun Asia Tenggara: Sebelum dan Sesudah Pengaruh Islām*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. membincangkan pengaruh Islām di Sumatera, Jawa, Bali, Maluku, Sulawesi, Borneo, Filipina, Tanah Besar dan Semenanjung Tanah Melayu.

Pengaruh Islām di tempat tersebut digambarkan dalam bab sebelas. Ia menggambarkan rakyat dan pemerintah bersama-sama mempraktikkan ‘ilmu bagi mengembangkan Islām dalam pentadbiran dan politik di Asia Tenggara.

Dalam bab dua belas, penulis membincangkan pengaruh Islām dalam kepercayaan ‘aqīdah Islām yang akhirnya melahirkan fahaman dan alirannya, seterusnya meninggalkan pengaruh yang tersendiri kepada masyarakat di Asia Tenggara. Dalam bab tiga belas pula, penulis membincangkan pengaruh Islām dalam kebudayaan di Asia Tenggara dari aspek politik dan perundangan, sosial dan ekonomi; kesenian dan hiburan; pendidikan dan bahasa; sastera dan ‘ilmu pengetahuan. Kesemua aspek tersebut sebenarnya tidak dapat lari dari konteks ‘ilmu yang akhirnya telah meninggalkan kesan pengaruh Islām di Asia Tenggara.

- (8) W. Abdullah bin Hj. W. Mahmood & Dra. Wista Ahmad, 1997, *Tamadun Islām dan Tamadun Melayu serta Sumbangannya kepada Duniā*, Shah Alam: ITM berpendapat salah satu faktor yang memungkinkan kedatangan Islām di ‘Ālam Melayu ialah faktor penda‘wah. Mereka menyenaraikan implikasi Islām di ‘Ālam Melayu. Antaranya ialah perubahan dari aspek keyakinan (*īmān*), perubahan dari aspek keilmuan, pengaruh Islām dalam sastera Melayu, perubahan dari aspek bahasa dan perkataan, kelahiran para ‘ulamā’, perlakuan individu, sosial, sosiopolitik dan undang-undang, serta sosioekonomi.
- (9) Prof. Tan Sri Ismail Hussein, et al, 1997, *Tamadun Melayu Menyongsang Abad Kedua Puluh Satu*, Bangi: Penerbit UKM. Bab pertama adalah hasil tulisan Prof. Tan Sri Ismail Hussein menjelaskan bahasa Melayu sebagai alat komunikasi

utama yang berjaya menyatukan masyarakat serantau di ‘Ālam Melayu. Dengan adanya penerbitan seperti *al-Imān* (1906), *al-Munīr* (1991), *Seruan Azhar* dan lain-lain telah memberi perangsang ke arah matlamat itu. Beliau juga menjelaskan bagaimana Muhammad Yasmin, Ibrahim Yaakob dan lain-lain memperjuangkan bahasa Melayu bagi meneguhkan keyakinan diri dan bangsa. Seterusnya dijelaskan lagi beberapa kejayaan dalam ‘ilmu pengetahuan dengan kelahiran **UKM dan Fakulti Pengajian Melayu, Kamus Besar Melayu, Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu, dan lain-lain lagi.**

Dalam bab dua pula, ditulis oleh Prof. Dato’ Wan Hashim Wan Teh mengandaikan pembinaan tamadun Melayu boleh berjaya sekiranya mempunyai matlamat dan menepati wawasan. Beliau menurunkan beberapa tokoh ilmuwan yang terkemuka seperti ibnu Khaldūn, Arnold Toynbee, Max Weber, Karl Marx, Alī Syarī‘atī dan lain-lain.

Dalam bab tiga hingga bab lima ditulis oleh Yang Berbahagia Tan Sri Ghazali Shafie menjelaskan bahasa Melayu sebagai bahasa perhubungan yang mendorong ke arah perjuangan semangat nasionalisme yang akhirnya membawa kemajuan kepada dunia Melayu. Beliau menjelaskan *Rukun Negara* Malaysia memainkan peranan penting bagi membentuk pembinaan bangsa dan kemajuan negara. Akhir sekali beliau menjelaskan betapa pentingnya masyarakat Malaysia memelihara nilai-nilai murni yang mereka amalkan selama ini bagi mewujudkan masyarakat yang bersatu padu dan harmoni.

Penulis menggunakan pendekatan yang tersendiri dengan membicarakan “Konsep ‘ilmu dalam peradaban Islām di ‘Ālam Melayu”. Justeru itu, penulis cuba mengupas persoalan konsep ‘ilmu dalam Islām secara jelas. Kemudian, penulis menyelitkan idea dengan menghalusi kelahiran ‘ilmu Islām di ‘Ālam Melayu dengan menceritakan sejarah dan pusat-pusat utama peradaban ‘ilmu Islām, menghuraikan pengaruh perkembangan Islām di ‘Ālam Melayu dan masalah-masalah dalam proses islamisasi ‘ilmu Melayu Islām. Kemuncak pendekatan penulis ialah dalam bab empat yang menghuraikan penghayatan ‘ilmu Islām dalam masyarakat Melayu, penyenaraian strategi bagi mengekalkan tradisi ‘ilmu Melayu Islām dan menghuraikan tokoh-tokoh intelektual Melayu Islām kontemporari.

## 1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Tajuk ini amat penting untuk dibincangkan dan dijelaskan secara tepat kepada masyarakat Melayu Islām. Antara kepentingannya ialah:

- (1) Untuk mengetahui dan menghuraikan permasalahan pemahaman ‘ilmu di kalangan masyarakat Melayu Islām seperti ‘ilmu sekular di sekolah, pusat pengajian tinggi dan lain-lain. Seterusnya untuk mendorong penulis mencari jalan penyelesaiannya dan menyebarkan ‘ilmu Islām.
  
- (2) Untuk menggalakkan masyarakat Melayu Islām mencintai ‘ilmu. Mereka dimotivasikan agar sentiasa menghargai ‘ilmu seperti sentiasa membeli buku

‘ilmiah dan sentiasa pergi membaca atau merujuk bahan bacaan ‘ilmiah di perpustakaan.

- (3) Untuk mendorong melahirkan insān yang beriman dan bertaqwa kepada Allāh s.w.t. dengan menghayati nilai-nilai murni yang terkandung dalam ‘ilmu Islām. Contohnya, nilai kasih-sayang, rajin, jujur, amānah dan saling bermaaf-maafan.

## 1.6    OBJEKTIF KAJIAN

Penulis memilih tajuk disertasi ini kerana mempunyai beberapa objektif kajian tertentu iaitu:

- (1) Untuk mendalami konsep ‘ilmu Melayu Islām yang terdiri daripada dua cabang utama iaitu ‘ilmu *farḍu ‘ain*<sup>9</sup> dan ‘ilmu *farḍu kifāyah*<sup>10</sup>. Cabang pertama terdiri daripada ‘ilmu Tafsīr, Tawhīd, Fiqah, Ḥadīth, Taṣawwuf dan lain-lain. Manakala cabang yang kedua pula terdiri daripada ‘ilmu Matematik, Geografi, Sains, Kimia, Sejarah, Sastera, Biologi, Fizik dan lain-lain. ‘Ilmu-‘ilmu tersebut adalah bersepadu dalam Islām.

---

<sup>9</sup> ‘Ilmu *farḍu ‘ain* ialah ‘ilmu yang diperlukan oleh setiap individu untuk memantapkan dirinya dalam pegangan dan amalan rukun Islām yang lima, rukun Imān yang enam, dan memantapkan akhlanya, perhubungan sosial, perhubungan budaya, perkahwinan dan lain-lain (Prof. Dr. Hashim Hj. Musa, 11 Julai 2001: 13).

<sup>10</sup> ‘Ilmu *farḍu kifāyah* ialah segala ‘ilmu, pengetahuan, kepandaian dan kemahiran demi melakukan kegiatan, ‘amal ‘ibādat, kerja, usaha dan tindakan bagi memenuhi kehendak dan keperluan masyarakat secara ‘umūm (*ibid*).

- (2) Untuk mengkaji dan menilai kelemahan-kelemahan yang masih terdapat di kalangan masyarakat Melayu Islām dengan mengambil pendapat dan pandangan pengkaji-pengkaji di ‘Ālam Melayu dari segi usaha mengkaji, menganalisis dan membuat kesimpulan melalui pandangan-pandangan yang telah dibuat oleh pengkaji-pengkaji terdahulu.
- (3) Untuk mendedahkan kepentingan peradaban melalui usaha penghayatan ‘ilmu Islām kepada seluruh masyarakat Melayu berdasarkan teori dan juga kajian.

## 1.7 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi berasal dari perkataan Yunani iaitu *Methodos* yang bermaksud cara dan *Logos* yang bermakna ‘ilmu. Gabungan daripada kedua pengertian ini menjelaskan bahawa metodologi bererti ‘ilmu tentang cara, iaitu cara untuk mendapatkan objek yang menjadi sasaran ‘ilmu yang bersangkutan dengannya (Koentjaraningrat [pysn.], 1977: 16). Kenneth D. Baily (Hashim Awang [terj.], 1984: 47) mendefinisikan metodologi ialah falsafah proses penyelidikan. Ini termasuk andaian-andaian dan nilai-nilai, yang menjadi dasar kepada penyelidikan dan kriteria yang digunakan oleh penyelidik untuk mentafsirkan data dan membuat kesimpulan.

Secara ‘umūm, penulis telah menggunakan dua metodologi dalam menghasilkan kajian ini, iaitu Metod Pengumpulan Data dan Metod Analisis Data.

### **1.7.1 Metod Pengumpulan Data**

Data bererti butir-butir atau maklumat terperinci yang diketahui atau telah dikumpulkan tentang sesuatu, dan ia dapat dijadikan asas untuk membuat analisis kajian (Dr. Teuku Iskandar [pysn.], 1993, op cit: 255). Menurut Drs. Hermawan Wasito (1992: 69), Metod Pengumpulan Data merupakan langkah yang amat penting dalam penelitian kerana data yang terkumpul akan digunakan sebagai bahan analisis dan pengujian hipotesis yang telah dirumuskan. Menurut Mohd. Majid Konting (1998: 90), metod ini memerlukan penggunaan data-data yang berşifat asli (pertama) dan ada yang berşifat sekunder. Data-data sumber asli adalah bukti atau hasil langsung dari sesuatu kejadian, iaitu pengkaji bertindak sebagai pengumpul data. Manakala data-data sumber sekunder pula mengandungi bahan-bahan atau maklumat tentang sesuatu kejadian yang didapati daripada data-data sumber asli, iaitu data-data yang telah diwujudkan oleh penyelidik terdahulu. Dalam hal ini, penyelidik bertindak sebagai pemakai data dan secara tidak langsung memperoleh data dari sumber itu.

Dalam usaha mengumpulkan data dan fakta, penulis menggunakan pendekatan-pendekatan berikut:

#### **1.7.1 (a) Metod Perpustakaan**

Ianya merupakan teknik yang mana seseorang penyelidik mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod (Mohd. Sheffie Abu Bakar, 1987: 41). Metod ini melibatkan penggunaan bahan-bahan bercetak yang berkaitan dengan fakta, seperti

buku, jurnal, majalah, kertas kerja seminar, akhbār dan lain-lain. Metod ini juga menggunakan bahan-bahan bertulis seperti manuskrip, kitāb-kitāb lama dan lain-lain.

Dalam menjalankan penyelidikan ini, penulis telah menggunakan perpustakaan berikut untuk mendapatkan sumber data:

- (i) Perpustakaan Utama UM
- (ii) Pustaka Peringatan Za'ba UM
- (iii) Perpustakaan Akademi Pengajian Islām UM
- (iv) Perpustakaan Tun Seri Lanang UKM
- (v) Perpustakaan UIAM
- (vi) Perpustakaan Negara Malaysia
- (vii) Perpustakaan 'Āwām Pusat Islām
- (viii) Perpustakaan 'Āwām Negeri Kedah
- (ix) Perpustakaan Muzium Negara
- (x) Perpustakaan Arkib Negara Malaysia
- (xi) Pusat Dokumentasi Bahasa Melayu DBP

#### **1.7.1 (b) Metod Kajian Lapangan**

Iaitu cara untuk melihat bagaimana sesuatu perkara itu terjadi. Penyelidik terpaksa menjalankan penyelidikan sendiri kerana bukan semua bahan penyelidikan boleh didapati di perpustakaan. Metod ini penting bagi penyelidik untuk mendapatkan bahan-bahan baru dan aslī bagi menjamin ketulenan pengkaji (Samarudin Rejab & Nazri

Abdullah, 1982: 29). Penulis telah menggunakan metod-metod seperti di bawah bagi menambah dan melengkapkan lagi data kajian ini iaitu:

### **1.7.1 (b) (i) Metod Kajian Arkeologi**

Merujuk *Kamus Dewan* (Dr. Teuku Iskandar [pysn.], 1993, op cit: 57), Kajian Arkeologi bermaksud *kajian saintifik mengenai kebudayaan dengan cara penggalian dan penghuraian kesan-kesan tinggalan atau artifak-artifak*. Penyelidik pergi ke tempat-tempat lokasi kajian untuk mengutip data-data secara lisan daripada masyarakat setempat atau merujuk pada bahan-bahan artifak yang disimpan dengan mengambil gambar-gambar subjek yang dikaji.

### **1.7.1 (b) (ii) Metod Temu Bual**

Iaitu mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan dari seorang responden dengan bercakap-cakap berhadapan muka dengan orang-orang yang berkenaan (Koentjaraningrat [pysn.], 1977, op cit: 162) sambil mengemukakan soalan-soalan kepada mereka secara spontan. Contohnya, penulis menemu bual beberapa orang responden bagi mendapatkan maklumat-maklumat tertentu yang berkaitan dengan disertasi ini.

### **1.7.1 (b) (iii) Metod Soal Selidik**

Iaitu berbentuk satu senarai soalan-soalan yang bertulis. Soalan-soalan ini disediakan oleh pengkaji sendiri yang difikirkan merangkumi subjeknya dengan menyenaraikan soalan-soalan yang terang dan senang difahami (Samarudin Rejab & Nazri Abdullah, 1982, op cit: 30). Contohnya, penyelidik membuat soal selidik di beberapa buah institusi pendidikan untuk mengetahui tahap penghayatan individu terhadap ‘ilmu daiam peradaban Islām.

### **1.7.1 (b) (iv) Metod Pemerhatian Sendiri**

Cara pemerhatian amat berkesan sekali untuk melihat perkembangan dan perubahan yang berlaku ke atas perkara yang diperhatikan (ibid: 33). Penyelidik mengambil data-data berdasarkan pemerhatian sendiri, di samping merujuk kepada orang-orang tertentu yang mempunyai pengalaman di masa lampau.

### **1.7.2 Metod Analisis Data**

Analisis bererti penyelidikan atau penghuraian sesuatu persoalan (Dr. Teuku Iskandar [psyn], 1993, op cit: 37). Metod Analisis Data ialah satu cara yang berhasil bagi menyimpulkan persoalan-persoalan yang diajukan dalam penelitian (Koentjaraningrat [pysn.], op cit, 977: 328). Pengkaji dapat mencari hubungan antara data bagi mengenali bentuk yang ada untuk mengetahui pengertian di sebaliknya.

Dalam usaha menganalisis data ini, penulis menggunakan pendekatan-pendekatan yang berikut:

#### **1.7.2 (a) Metod Induktif**

Iaitu penulis melaksanakan kajian secara khuşūs, fakta-fakta yang unik, dan mengeluarkan faktor-faktor yang khuşūs itu menjadi kesimpulan yang bersifat ‘umūm’ (Drs. Sutrisno Hadi, t.t.: 2).

#### **1.7.2 (b) Metod Deduktif**

Iaitu penulis melaksanakan kajian secara ‘umūm, dan meneliti persoalan-persoalan khuşūs dari faktor-faktor yang ‘umūm itu (ibid).

#### **1.7.2 (c) Metod Perbandingan**

Iaitu membuat analisis dalam kesimpulan dengan cara membandingkan faktor-faktor atau maklumat-maklumat yang kumpulkan oleh penulis untuk mencari bukti-bukti yang jitu.

## 1.8 SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Disertasi ini bertujuan untuk mengkaji “Konsep ‘ilmu dalam peradaban Islām di ‘Ālam Melayu”. Skop tajuk kajian ini begitu luas. Bagaimanapun penulis membatasinya dengan memilih pusat-pusat peradaban keilmuan Melayu Islām yang utama sahaja. Antaranya ialah Sumatera Utara (Perlak dan Samudera Pasai Dār al-Salām dari abad ke-9 hingga ke-14, Aceh Dār al-Salām dalam abad ke-16 dan ke-17; dan Riau pada abad ke-18 dan ke-19), Kepulauan Jawa (Giri pada abad ke-14 dan 15; Demak pada abad ke-15 dan abad ke-16), Kepulauan Borneo (Brunei Dār al-Salām dan Banjarmasin pada abad ke-15), Selatan Thailand (Paṭāñī Dār al-Salām pada abad ke-18 dan ke-19), Semenanjung Tanah Melayu (Melaka pada abad ke-15 dan awal abad ke-16; Terengganu Dār al-Īmān dan Kelantan Dār al-Na‘īm pada abad ke-19 dan abad ke-20). Kawasan-kawasan tersebut tidak sukar untuk dibezakan dari segi batasan geografi kerana ianya bersifat geografi yang serupa iaitu beriklim khatulistiwa. Ianya juga mempunyai latar belakang agama yang serupa iaitu Islām dan kebanyakan kawasan tersebut menghadapi kolonialisme kuasa-kuasa Barat seperti Portugis (Melaka, Samudera-Pasai Dār al-Salām, dan Aceh Dār al-Salām pada abad ke-15), Belanda (Kepulauan Riau, Banjarmasin, Giri, dan Demak pada abad ke-19), dan British (Brunei Dār al-Salām pada abad ke-19, Kelantan Dār al-Na‘īm dan Terengganu Dār al-Īmān pada abad ke-19 dan ke-20). Hanya Paṭāñī Dār al-Salām sahaja tidak pernah dikolonialisasi oleh mana-mana kuasa Barat. Sepanjang zaman kolonialisme Barat, pusat-pusat tersebut tidak menghiraukan penjajahan Barat, malah mereka sentiasa berjihad bagi mengembangkan ‘ilmu dan akhirnya Islām berjaya membawa suatu perubahan pemikiran masyarakat Melayu Islām dalam segala aspek kehidupan.

## **1.9 PENYUSUNAN BAB-BAB DISERTASI**

Di dalam penulisan disertasi ini, penulis telah menyusunkan kepada lima bab. Dalam setiap bab, penulis telah membahagikannya kepada beberapa subtajuk. Gambaran secara rangkanya adalah seperti berikut:

Bab pertama memperkenalkan pengertian tajuk dan permasalahannya, latar belakang permasalahan, kajian-kajian lalu, kepentingan kajian, objektif kajian, metodologi kajian skop dan batasan kajian.

Bab dua membincangkan konsep ‘ilmu dalam islām dengan menghuraikan definisi ‘ilmu, pandangan islām terhadap ‘ilmu, kepentingan ‘ilmu menurut islām, proses pembelajaran ‘ilmu, klasifikasi ‘ilmu dan sumber ‘ilmu.

Bab tiga membicarakan kelahiran ‘ilmu berteraskan islām di ‘Ālam Melayu dengan menghuraikan sejarah dan pusat-pusat utama peradaban ‘ilmu Melayu Islām, pengaruh-pengaruh perkembangan ‘ilmu Melayu Islām, dan membincangkan masalah-masalah dalam proses islamisasi ‘ilmu di kalangan masyarakat Melayu.

Bab empat adalah kemuncak kepada kajian yang membincangkan penghayatan ‘ilmu Islām di ‘Ālam Melayu. Ia menghuraikan penghayatan masyarakat Melayu terhadap ‘ilmu, strategi untuk mengekalkan tradisi keilmuan Melayu Islām, dan menyenaraikan tokoh-tokoh intelektual Melayu Islām kini.

Bab lima mengakhiri penulisan disertasi ini. Penulis membuat rumusan di samping mengetengahkan kritikan-kritikan, ulasan-ulasan dan saran-saran positif yang begitu menarik. Akhir sekali penulis membuat kesimpulan keseluruhan disertasi ini.